

04 FEB 1999

Annuar-Kelantan

BN YAKIN MENANGI 27 KERUSI DUN KELANTAN

KOTA BAHARU, 4 Feb (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional Kelantan Datuk Annuar Musa berkata BN yakin untuk memenangi 27 kerusi daripada 43 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan pada pilihan raya umum akan datang bagi membentuk kerajaan negeri menggantikan Pas.

Katanya keyakinan itu berdasarkan kepada permuafakatan pemimpin-pemimpin BN di negeri ini dalam menyusun strategi untuk menghadapi Pas.

"Semalam saya, Datuk Ibrahim Ali (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dan Datuk Mustapa Mohamed (Menteri Kewangan Kedua) telah membuat semakan dari satu kerusi ke satu kerusi dan kita berpuas hati bahawa kita mempunyai peluang cerah di 27 buah kawasan...dan seterusnya pastikan kita akan tawan Kelantan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

BN kini menguasai 17 kerusi manakala bakinya Pas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke Kelantan pertengahan bulan lepas turut berkata BN mempunyai perancangan dan strategi bagi memenangi pilihan raya di negeri ini.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata beliau akan mengadakan pertemuan dengan Tengku Razaleigh Hamzah bagi membincangkan strategi dan pendekatan yang akan digunakan pada pilihan raya umum akan datang sebelum mengemukakannya kepada Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

"Saya nak jelaskan bahawa usaha menawan Kelantan ini bukan satu gimik atau retorik kerana kita berpendapat BN boleh tubuh kerajaan kalau pemimpin dan anggota Umno mahu dan berusaha bersungguh-sungguh," katanya.

Katanya beliau dan tiga pemimpin Umno Kelantan itu telah bersepakat membentuk persefahaman yang meletakkan keutamaan untuk menawan negeri ini.

Annuar berkata perancangan dan langkah khas bagi Kelantan itu akan diumumkan oleh Dr Mahathir atau beliau sendiri, tidak lama lagi.

Beliau berkata selain itu satu siri "road-show" yang diketuai oleh beliau serta Tengku Razaleigh, Ibrahim dan Mustapa akan bermula bulan depan untuk bertemu dengan seluruh rakyat Kelantan mengikut jadual yang telah disusun.

Menurutnya, beliau juga telah mengadakan pertemuan dengan beberapa tokoh korporat, cendekiawan dan bekas ahli politik di Kelantan bagi mendapatkan pandangan dan maklumat yang boleh membantu BN pada pilihan raya kali ini.

Katanya bagi menunjukkan BN mementingkan kebajikan rakyat, beliau pada 14 Feb akan mengumumkan satu jumlah peruntukan khas bagi keperluan rakyat Kelantan.

-- BERNAMA

RAR NMO